

NOVEMBER 2018



CANANG

KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN



BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 1 November 2018 - Bandar Seri Begawan (BSB) telah dipilih sebagai Ibu Negara Kebudayaan Islam bagi Rantau Asia untuk tahun 2019 bersama dengan Bandar-bandar di Rantau Arab and Rantau Afrika, iaitu Tunis, Republik Tunisia dan Bissau, Republik Guinea semasa Islamic Conference of Culture Ministers (ICCM) Ke-9 pada 2 hingga 4 November 2015, di Muscat, Oman. Perkara tersebut dinyatakan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin semasa Mesyuarat Pertama Jawatankuasa Pandu BSB sebagai Ibu Negara Kebudayaan Islam bagi Rantau Asia 2019, bertempat di Dewan DiGadong, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.



BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 3 November 2018 - Tabung Kemanusiaan Bencana Sulawesi (TKBS) menerima sumbangan derma berjumlah BND5,950 hasil sumbangan daripada Darussalam Holdings Sdn. Bhd. dan Sekolah Menengah Arab Lelaki Hassanal Bolkiah (SMALHB). Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi, Yang Mulia Dr. Awang Abdul Manaf bin Haji Metussin selaku Pengurus Da-russalam Holdings Sendirian Berhad menyerahkan sumbangan derma berjumlah BND5,000 kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin. Sementara itu, sejumlah BND950 hasil sumbangan derma daripada SMALHB telah diserahkan oleh Pemangku Pengetua SMALHB, Dayang Hajah Sarimah binti Awang Haji Ahmad. Majlis penyerahan derma tersebut berlangsung di Pejabat Menteri, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.



Dewan Digadong, Kementerian Kebudayaan Kebudayaan Belia dan Sukan,

3

November 2018 – Mesyuarat Pertama Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-35, Tahun 2019 (JKT) telah diadakan di Dewan Digadong, Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Yang Berhormat Dato menyatakan sambutan pada kali ini adalah lebih istimewa kerana genaplah 35 tahun Negara Brunei Darussalam menyambut Hari yang gilang gemilang dan penuh bersejarah ini. Usia 35 tahun ini diumpamakan individu yang berada di penghujung usia belianya dengan tafsiran bahawa Negara sudah berada dalam usia yang matang dan berpengalaman. Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan ini hendaklah diraikan oleh setiap peringkat masyarakat dengan penuh kegembiraan, kemeriahian dan keceriaan sebagai mekanisme utama dalam menyuntik semangat patriotisme dan kenegaraan serta kekitaan, disamping memupuk rasa sayang dan cinta yang tulen kepada Raja, Bangsa, Agama dan Negara.

Dewan Citra, Kementerian Kebudayaan Kebudayaan Belia dan

Sukan, 8 November 2018 – Satu majlis penyampaian sijil penghargaan kepada penerima Anugerah Pekerja Cemerlang Perkhidmatan Awam (APCPA) Tahun 2018 telah diadakan di Dewan Citra, Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Yang Berhormat Dato hadir bagi menyampaikan sijil kepada 4 penerima APCPA Tahun 2018 bagi Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, iaitu Pg Anak Mohamed Sofian bin Pg Anak Haji Ibrahim, Ketua Pegawai Belia dan Sukan, Awang Abd Ajihis bin Haji Terawih, pelukis dari Dewan Bahasa dan Pustaka, Dayang Nooriah binti Haji Sulaiman, kerani dari Jabatan Muzium-Muzium dan Awang Rozaimi bin Lajak/Ajak, pembantu pejabat dari Kementerian.





TANAH JAMBU, Jumaat, 9 November 2018 - Pegawai dan kakitangan daripada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) mengadakan Majlis dikir di Masjid Kampung Tanah Jambu bersempena menjelangnya Sambutan Maulidur Rasul yang akan diadakan pada 12 Rabiulawal.



JANGSAK, Sabtu, 10 November 2018 - Ar-Rafi Archery kini mempunyai Pusat Akademiknya yang terletak di Kompleks Ar-Rafi Simpang 875, Kampung Jangsak. Penubuhan Pusat Akademik itu adalah bagi Kursus Akademik Memanah dan Latihan Dalam Bangunan yang menjurus kepada pendidikan dan kajian ilmiah berkonsepkan Islam, strategi, latihan dan keselamatan. Perasmianya disempurnakan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin semasa lawatan Yang Berhormat Menteri bagi meninjau lebih dekat mengenai Kursus Akademik Memanah yang ditawarkan oleh Ar-Rafi Archery. Juga hadir pada perasmian tersebut ialah Timbalan Setiausaha Tetap (Pelancongan), Kementerian Sumber-sumber Utama dan Pelancongan, Awang Wardi bin Haji Mohd. Ali dan Kuasa Usaha Sementara Suruhanjaya Tinggi Malaysia ke Negara Brunei Darussalam, Puan Rafedah binti Abdul Aziz.



BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 10 November 2018 - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Mahara-ja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Wadi-dien, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Da-russalam (BDNOC) bersabda menekankan agar persatuan-persatuan supaya akan sentiasa berusaha dalam membantu meningkatkan mutu prestasi atlet kebangsaan dan sentiasa peka akan keperluan atlet kebangsaan seperti kejohanan pendedahan, yang mana ia adalah sangat penting dalam meningkatkan prestasi dan semangat atlet kebangsaan dalam mempamerkan mutu terbaik mereka di arena sukan antarabangsa. DYTM bersabda demikian pada Mesyuarat Post Mortem Kejohanan Sukan Olimpik Belia Musim Panas Kali Ke-3 di Buenos Aires, Argentina yang berlangsung di Bilik Per-sidangan, Stadium Negara Hassanal Bolkiah, di sini.



BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 10 November 2018 - Tabung Kemanusiaan Bencana Sulawesi (TKBS) menerima sumbangan derma berjumlah BND6,400 daripada kumpulan isteri Menteri-menteri Kabinet, Timbalan-timbalan Menteri, Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap dan Ahli-ahli Bersekutu yang diserahkan pada majlis yang berlangsung di Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS). Derma tersebut diserahkan kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin oleh Datin Paduka Hajah Jahrah binti Haji Mohamad, selaku Pengerusi Kedua Kumpulan Isteri Menteri-menteri Kabinet, Timbalan-timbalan Menteri, Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap dan Ahli-ahli Bersekutu.



BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 10 November 2018 - Seramai 330 belia dari 11 buah negara yang menyertai Rancangan Kapal Belia Asia Tenggara dan Jepun (SSEAYP) Ke-45 diraikan pada Majlis Selamat Datang dan Jamuan Makan Malam yang berlangsung di Dewan Persidangan Utama, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas. Hadir selaku tetamu kehormat, Yang Berhormat melahirkan ucapan terima kasih dan penghargaan yang tulus kepada Kerajaan Jepun atas kemurahan hati dan sumbangan berterusan dalam menjalankan program di seberang laut yang sangat berharga itu untuk membangun dan menyatukan belia-belia bersama. Program itu juga untuk mengenal dan mempelajari pelbagai kegiatan dalam semua aspek termasuk cara hidup, sosio budaya, politik dan pembangunan ekonomi sesebuah negara.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 12 November 2018 - Tabung Kemanusiaan Bencana Sulawesi (TKBS) menerima sumbangan derma berjumlah BND5,000 hasil sumbangan daripada Dato Lim Beng Thai Company, Syarikat Boustead Sdn Bhd, Syarikat Hup Soon Brickwork & Ceramic dan Syarikat Bee Seng Shipping. Majlis penyerahan derma berlangsung di Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS). Pengarah Urusan Boustead Sdn Bhd, Dato Paduka Lim Beng Thai telah menyerahkan sumbangan derma kepada Setiausaha Tetap KKBS, Datin Paduka Dr. Hajah Norlila binti Dato Paduka Haji Abdul Jalil selaku Pengerusi Bersama Jawatankuasa Kebangsaan TKBS.





MENTIRI, Selasa, 13 November 2018 - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dan jabatan-jabatan di bawahnya meneruskan Majlis Dikir Maulud bertempat di Masjid Kampung Sungai Buloh, yang dikelolakan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dan Pusat Sejarah Brunei (PSB).

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 14 November 2018 - Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin menerima kunjungan hormat daripada Menteri Alam Sekitar dan Sumber Air dan Menteri Bertanggungjawab bagi Hal Ehwal Masyarakat Islam, Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Masagos Zulkifli bin Masagos Mohamad. Kunjungan hormat tersebut amat bermakna bagi KKBS dalam mengukuhkan lagi hubungan kerjasama di bidang pembangunan masyarakat dan kebeliaan dan dalam bidang kesukarelawanan, program pertukaran belia dari kedua-dua buah Negara. Juga disentuh semasa perjumpaan tersebut ialah 'best practices' dalam membantu dan memberi sokongan kepada keluarga-keluarga yang memerlukan, di samping memperkasa ke arah pembangunan kanak-kanak.



BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 14 November. - Tabung Kemanusiaan Bencana Sulawesi (TKBS) menerima sumbangan derma daripada Kemuda Institute sebanyak BND500.53. Majlis penyerahan derma telah diadakan di Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Sumbangan tersebut diserahkan oleh Presiden Majlis Pelajar Kemuda Institute, Awang Muhammad Rahimi Firdaus bin Mornee kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin. Turut memberikan sumbangan pada hari yang sama ialah Presiden Persatuan Boling Sepuluh Pin Daerah Belait, Awang Haji Ismail bin Haji Ahmad iaitu sebanyak BND100.00 dan Abang Zanhor bin Abang Haji Hanafiah, yang menyumbangkan sebanyak BND550.



BANDAR SERI BEGAWAN,
Khamis, 15 November 2018 -Masjid Kampung Putat turut menjadi tumpuan Majlis Dikir sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam tahun ini bagi Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan jabatan-jabatan di bawahnya.



Bandar Seri Begawan, Khamis , 15 November 2018 - Negara Brunei Darussalam dan China terus menikmati hubungan kerjasama dua hala dan persahabatan yang erat yang terjalin sejak sekian lama daripada pengembalaan penduduk kedua-dua negara melalui Laluan Sutera pada zaman dahulu. Perkara ini disentuh oleh Timbalan Menteri Pejabat Maklumat Majlis Negara China, Guo Weimin semasa majlis Pelancaran Pameran Era Kegemilangan Kebudayaan Laluan Sutera yang berlangsung di Galeri Seni, Dermaga Diraja, Bandar Seri Begawan. Beliau percaya bahawa menerusi pameran ini dapat memberikan peluang bagi rakyat dan penduduk Brunei untuk mengenali dan mempelajari lebih mendalam mengenai keunikan hubungan persahabatan kedua-dua buah negara serta keindahan dan sejarah hubungan persahabatan berkanaan.

Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas, 17 November 2018—Riadah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dimulakan dengan senamrobik beramai-ramai di Pedestrian Mall. Riadah Kementerian adalah merupakan kegiatan sukan yang diselenggarakan secara bergili-gilir oleh Jabatan-Jabatan sebulan sekali untuk menggalakkan warga KKBS bergiat aktif melakukan aktiviti fizikal secara berterusan dengan menggunakan fasiliti yang sedia ada, melahirkan warga kementerian yang sihat dan cergas dari segi fizikal dan mental serta dapat mengeratkan lagi silaturrahim dan persefahaman dikalangan warga Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.



TUTONG, Sabtu, 17 November. - Rombongan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) meneruskan Majlis Dikir sempena Sambutan Maulud Nabi di Masjid Kampung Kupang. Acara dimulakan dengan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah, diikuti dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai dan diteruskan dengan bacaan Dikir. Juga hadir, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong selaku Penghulu Mukim Tanjong Maya; Pegawai Daerah Tutong, Awang Shamsul Bahrin bin Haji Mohd. Hussain; Ketua Kampung Kupang, Awang Haji Puasa bin Haji Kula; pegawai-pegawai kanan serta pegawai dan kakitangan dari KKBS.



BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 19 November 2018

- Rombongan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) berkunjung ke Masjid Rashidah Sa'adatul Bolkiah (MRSB), Kampung Sungai Akar bagi malam terakhir Dikir Maulud ke Masjid-masjid bagi Tahun 1440 Hijrah/2018 Masihi. Majlis Dikir ke masjid-masjid itu antaranya bertujuan untuk menggalakkan warga kementerian untuk terus ber-selawat dan memuji Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.



BANGAR, Selasa, 20 November 2018 -
Sebanyak 22 buah pasukan terdiri dari jabatan-jabatan kerajaan, sekolah-sekolah, agensi pertahanan dan keselamatan, mukim-mukim serta persatuan-persatuan di Daerah Temburong menyertai perhimpunan dan perarakan sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Tahun 1440 Hijrah yang berlangsung di Padang Kompleks Dewan Kemasyarakatan, Bangar, Daerah Temburong.



BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 21 November 2018 - Negara Brunei Darussalam akan menganjurkan Sukan Persahabatan BIMPNT-EAGA Ke-10, 2018 bermula pada 7 hingga 9 Disember 2018. Sebanyak 13 kontinjen melalui wilayah masing-masing akan mewakili lima negara, Republik Indonesia, Malaysia, Republik Filipina, Northern Territory dan Negara Brunei Darussalam dalam menyertai kejohanan ini iaitu Brunei Darussalam A', Brunei Darussalam 'B', Sulawesi Selatan, Sulawesi Tengah, Sulawesi Barat, Kalimantan Utara, Kalimantan Timur, Sabah, Sarawak, Wilayah Persekutuan Labuan, Mindanao, Palawan dan Northern Territory. Sukan Persahabatan kali ini akan mempertemukan seramai lebih kurang 993 orang peserta, pegawai dan jurulatih dari 13 kontinjen yang ikut serta dan jumlah keseluruhan pingat yang akan menjadi rebutan adalah sebanyak 272 pingat iaitu 87 pingat emas, 87 pingat perak dan 98 pingat gangsa melalui lapan acara sukan yang akan dipertandingkan iaitu Akuatik, Boling Padang, Karatedo, Olahraga, Pencak Silat, Sepak Takraw, Taekwando dan Wushu.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 21 November 2018 - Persatuan Usahawan Muda Brunei (Young Entrepreneur Association Brunei - YEAB) mengadakan Rangkaian Perniagaan dan Makan Malam *INSIGHT: Business Networking and Dinner* Edisi ke-4 yang diadakan di Radisson Hotel, BSB. *INSIGHT* bertujuan untuk memberi para usahawan satu platform untuk mendapatkan wawasan mengenai pembangunan ekonomi semasa dan peluang perniagaan di tengah-tengah masa yang mencabar, dan juga membincangkan cara-cara untuk menangani cabaran di sekitar 'localisation' dan berkongsi amalan terbaik daripada usahawan yang berjaya membangun dan mengembangkan perniagaan mereka melalui bakat tempatan. Seramai 65 usahawan tempatan dari pelbagai bidang dan industri telah menyertai *INSIGHT* untuk edisi kali ini yang mana telah disokong oleh Progresif Cellular Sdn Bhd.



BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 24 November 2018 - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dan jabatan-jabatan di bawahnya dengan kerjasama Kumpulan Meraih Barkah telah mengadakan Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Bagi Tahun 1440 Hijrah bersamaan 2018 Masihi pada majlis yang berlangsung di Dewan Digadong, KKBS.



BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 25 November 2018 - Tabung Kemanusiaan Bencana Sulawesi (TKBS) menerima sumbangan derma berjumlah BND10,000 daripada Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB). Majlis penyerahan derma diadakan pada Acara Riadah Berbasikal 57Km sempena Hari Ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (HUT ABDB) Ke-57 di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien. Sumbangan diserahkan oleh Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejai Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejai Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin selaku Penasihat Bersama bagi Jawatankuasa Kebangsaan TKBS.



BERAKAS, Ahad, 25 November 2018—Pertandingan Golf Amal Kali Ke-17 Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam berlangsung di Kelab Golf Penerbangan Diraja Brunei (RBA). Kejohanan berjaya meraih dana kira-kira BND27,000, yang akan disumbangkan bagi menyokong kanak-kanak berkeperluan khas di Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam termasuk perbelanjaan bulanan dan pelan pembangunan pusat berkenaan. Pusat Ehsan merupakan pertubuhan amal bukan kerajaan yang komited dalam menyediakan pendidikan, rehabilitasi dan penjagaan berkualiti kepada orang-orang berkeperluan khas di negara ini. Penyampaian hadiah kepada para pemenang disempurnakan oleh tetamu kehormat, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejai Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin.

Dewan Digadong, KKBS, Sabtu, 24 November 2018 — Program 'Bersama Meraih Syafaat Rasulullah' anjuran bersama Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Kumpulan Meraih Barkah telah diadakan di Dewan Digadong, Kementerian tersebut selama 3 hari bermula dari 24-27 November 2018.





MANAMA, BAHRAIN, Khamis, 29 November 2018 - Menteri-menteri Yang Bertanggungjawab bagi Kebudayaan dari Negara-negara Islam, Ketua Delegasi, Ketua Setiausaha Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) dan Ketua Pengarah Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Islam (ISESCO) telah menghadiri Persidangan Kemuncak Luar Biasa Menteri-Menteri Kebudayaan Islam yang berlangsung di Manama, Bahrain. Tema persidangan kali ini ialah 'Bersama Melindungi Warisan Manusia dan Mengatasi Fahaman Pelampau' (*Together for Safeguarding Human Heritage and Countering Extremism*). Yang Berhormat Menteri KBS mengongsikan beberapa strategi yang dijalankan oleh Negara Brunei Darussalam dalam memelihara Warisan Manusia dan Mengatasi Fahaman Pelampau melalui Pendekatan Whole-of-Nation; kepentingan pendidikan termasuk pendidikan agama di mana peranan pendidikan bukan sahaja dalam memperoleh pengetahuan dan kemahiran tetapi juga untuk mencapai dimensi moral masyarakat; dan amalan Falsafah Melayu Islam Beraja yang diamalkan dalam sistem dan identiti negara, meningkatkan nilai dan mengamalkannya sepanjang hayat dan Islam adalah cara hidup yang lengkap termasuklah dalam pembangunan dan pemodenan.

Sumber Berita: Pelita Brunei dan Media Permata

Tim Penerbitan : Unit Perhubungan Awam, KKBS

Perwajahan dan Aturgambar: Unit Perhubungan Awam, KKBS

Jurufoto: Hajah Ajijah binti Haji Ali, Pg Suhami bin Pg Haji Othman, Haji Norfaisal bin Haji Mohd Salleh, Ak Zainorisnan Pg Othman, Pg Hj Mohd Fawzy bin Pg Hj Ahmad